

**HUBUNGAN AMERIKA SYARIKAT DAN IRAQ SEMASA  
PERANG IRAN DAN IRAQ TAHUN 1980-1988**

**NOR AZLINA BINTI AB MALEK  
HA2006-6656**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS  
SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

**PROGRAM SEJARAH  
SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2008/2009**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1400017148

183552



PUMS99

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Hubungan Amerika Syarikat dan Irak Semasa perang Irak dan Israa Ibum 1980 - 1988.

IJAZAH: SERTJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA HAFIZA BINTI AB MALEK  
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 2009

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDA.....GAN PUSTAKAWAN)

Nama Penyelia

Alamat Tetap: D/1 PCS, TAMAN SAYANG  
JLN BAYING 11200 KOTA  
BATU KELANTAN

Tarikh: 12/2/09

Tarikh: 12/2/09

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017148



UMS

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa kajian ini adalah hasil nukilan saya sendiri, dan sebarang rujukan telah saya nyatakan akan sumbernya.

Tandatangan,

Datin .

**(NOR AZLINA BT. AB MALEK)**

**HA2006-6656**

**PROGRAM SEJARAH**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL**

**SESI 2008/2009**



## DIPERAKUKAN OLEH

### 1. PENYELIA

.....  
**(EN. MOHAMAD SHAUKHI BIN MD RADZHI)**

### 2. PENYELIA KEDUA

  
.....  
**(EN. ZAINI BIN OSMAN)**



## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini pada masa yang ditetapkan. Kajian ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa bantuan dari semua pihak. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya Encik Mohamad Shaukhi Bin Md. Radzhi yang selama ini banyak bersabar dengan karenah saya dalam memberikan bimbingan serta tunjuk ajar untuk saya menyiapkan kajian ini.

Juga tidak dilupakan buat ibu bapa saya, Norsiah Binti Mohd Nor dan Ab Malek B. Ismail serta keluarga tercinta yang selama ini memberikan sokongan, dorongan dan sumber kewangan dalam menyiapkan kajian ini, serta terima kasih juga kepada pihak perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Sejarah Universiti Malaya yang telah memberikan maklumat dan menyumbangkan bahan terhadap kajian saya.

Tidak dilupakan buat teman-teman seperjuangan yang banyak membantu, terutamanya Nor Ashiken Binti Ismail, Adi Bin Yusuf dan Ahmad Helmi Mukthar yang selama ini banyak memberi kata-kata semangat dan kerjasama kepada saya semasa saya sedang bertungkus lumus untuk menyiapkan kajian ini, serta Che Mohd Zaidi Bin Che Embong yang banyak memberi motivasi dan sokongan moral yang berterusan. Sesungguhnya hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas jasa kalian. Akhir sekali, ucapan terima kasih ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan kajian saya.

## ABSTRAK

Penulisan ini dilakukan bertujuan untuk membincangkan mengenai sejarah hubungan Amerika Syarikat dengan Iraq sewaktu Perang Iraq dan Iran 1980-1988. Hubungan yang dimaksudkan di sini ialah penumpuan terhadap dasar yang dilaksanakan oleh Amerika Syarikat terhadap Iraq dalam usaha Washington untuk mengekalkan pengaruhnya di rantau Asia Barat. Di sini, dapat kita lihat bagaimana Amerika Syarikat menyesuaikan setiap dasar yang dipraktikkan terhadap Saddam adalah untuk memenuhi kepentingan pihaknya. Bermula dengan peranan yang dimainkan oleh Ronald Reagan hingga kepada George Walker Bush, hubungan Washington dengan Saddam banyak dicorakkan oleh situasi di rantau tersebut sendiri yang banyak disumbangkan oleh kepentingan Israel. Di akhir penulisan ini, fokusnya lebih tertumpu kepada implikasi dasar tersebut terhadap kedudukan Saddam dan Amerika Syarikat sendiri di rantau tersebut.



## KANDUNGAN

LAMAK JUDUL	Muka Surat
<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
<b>DIPERAKUKAN</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI PETA</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>

### **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Lokasi Kajian	7
1.7 Kaedah Kajian	8
1.8 Sorotan Literatur	9
1.9 Struktur Tesis	14



## **BAB 2 LATAR BELAKANG PERANG IRAN DAN IRAQ 1980-1988**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Negara Iraq	22
2.3	Saddam Hussien	24
2.4	Negara Iran	26
2.5	Ayatollah Khomeini	29
2.6	Kebangkitan Revolusi Iran	32
2.7	Sejarah Awal Perang Iran dan Iraq	39
2.8	Rumusan	41

## **BAB 3 HUBUNGAN AMERIKA DAN IRAQ DALAM PERANG IRAN DAN IRAQ 1980-1988**

3.1	Pengenalan	43
3.2	Kemunculan Kuasa Amerika di Rantau Asia Barat	45
3.3	Hubungan Amerika Syarikat dengan Iraq semasa Perang	50
3.4	Rumusan	73

4.1	Pengenalan	76
4.2	Kesan Hubungan Terhadap Iraq Setelah Tamatnya Perang.	78
4.3	Rumusan	92

BAB 5 KESIMPULAN 95



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK



## SENARAI GAMBAR

NO. GAMBAR		HALAMAN
Gambar 2.3.1	Saddam Hussien	26
Gambar 2.5.1	Ayatollah Khomeini	32
Gambar 2.7.1	Ronald Reagan	41
Gambar 3.3.2	Pertemuan Saddam Hussien dan Donalds Rumfeld	61
Gambar 3.3.3	Pertemuan Tariq Aziz dan Ronald Reagan	63
Gambar 4.1.1	Presiden Amerika Syarikat George Walker Bush	78
Gambar 4.2.1	Bush melawat tentera Amerika di Arab	86



## SENARAI PETA

NO. PETA		HALAMAN
Peta 1.6.1	Lokasi Perang Iran dan Iraq	8
Peta 2.1.1	Wilayah Peperangan Iran dan Iraq	17
Peta 2.1.2	Shatt al-Arab	19
Peta 2.2.1	Peta Negara Iraq	24
Peta 2.4.1	Peta Negara Iran	28
Peta 4.2.2	Kawasan Minyak Iraq yang dikawal oleh Amerika	90
Peta 4.2.3	Kawasan-Kawasan Minyak Iraq	91



**SENARAI JADUAL****KO JADUAL**

Jadual 4.2.4

Jumlah Hasil Keluaran Minyak Mentah Iraq

**KALAMAN**

92

## SINGKATAN

CW *Chemical Weapon*

AIOC *Anglo Iranian Oil Company*

PBB Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

# BAB1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Polisi Amerika Syarikat terhadap Teluk Parsi sering berubah mengikut situasi berlaku di Teluk tersebut. Sekitar tahun 1960 hingga 1970-an, polisi Amerika Syarikat dilihat lebih berpihak kepada Iran berbanding Iraq. Keadaan ini berlaku kerana wujudnya hubungan yang erat antara Amerika dengan Iran semasa pemerintahan Dinasti Pahlavi.<sup>1</sup> Walau bagaimanapun, pada tahun 1990 pula, Amerika Syarikat cuba mengawal kedua-dua negara dengan mengimplementasikan polisi *dual containment*<sup>2</sup> iaitu dengan memberi perhatian yang seimbang dan sama rata terhadap kedua-dua negara.

Pada sekitar abad ke-20, ketika Amerika Syarikat cuba untuk mengurangkan penguasaan polisinya terhadap Iraq dan Iran di Teluk, terutamanya apabila Amerika melihat tindakan kedua-dua negara tersebut yang telah menceroboh negara-negara jirannya sebagai satu tindakan membala dendam dan ingin menguasai wilayah-wilayah tuntutan. Dipengaruhi situasi tersebut, Amerika merasakan keadaan ini telah memberikan ancaman kepada Amerika Syarikat di rantau Asia Barat iaitu dengan

<sup>1</sup> Pada tahun 1925, Majlis Parsi telah mengundi untuk mengetepikan Dinasti Qajar dan menggantikannya dengan Dinasti Pahlavi. Reza Khan dilantik menjadi Shah Iran, dan bermulalah Dinasti Pahlavi Iran selama lima puluh empat tahun.

<sup>2</sup> *Dual Containment* merupakan strategi berisiko untuk mengurangkan tekanan serta jaringan perikatan yang tidak selamat dengan andaian Washington mampu menghalang pembinaan ketenteraan secara besar-besaran dipihak Iran dan Iraq serta bertujuan untuk memastikan kewujudan tentera Amerika di Teluk Parsi. Dirujuk dari <http://www.cato.org/pubs/fbbriefs.fbb.033.htm>. Diakses pada 14 April 2009.

melihat kedudukan Amerika Syarikat di Teluk yang semakin lemah boleh membawa kepada kehancuran terhadap penguasaan mereka di Teluk tersebut.

Selain itu, Amerika merasakan kuasa mereka juga akan tercabar dengan kebangkitan kuasa Iran dan Iraq, sehingga mereka terpaksa memberikan tumpuan yang mendalam terhadap ancaman tersebut sehingga mengabaikan perubahan politik dalam negara mereka. Polisi Amerika juga dilihat didorong oleh tiga prinsip utama iaitu ekonomi, keselamatan Israel dan kestabilan hubungan dengan kerajaan boneka mereka terutamanya dengan negara-negara Arab.

Namun demikian, Revolusi Iran yang tercetus pada 1979<sup>3</sup> ternyata telah memberikan kejutan terhadap hegemoni Amerika Syarikat di kawasan Teluk. Keadaan ini memperlihatkan bagaimana dengan hanya beberapa bulan selepas Revolusi Iran, Amerika Syarikat telah kehilangan perjanjian penting yang dimilikinya semasa hubungannya dengan Shah Iran dan kuasa keselamatan di rantau tersebut. Peristiwa penawanian kedutaan Amerika di Tehran pada November 1979 telah memburukkan lagi hubungan diantara kedua-dua negara iaitu Amerika Syarikat dan Iran. Kebimbangan Amerika Syarikat terhadap kebangkitan Revolusi Iran, terutamanya apabila melihat pemimpin Agung Revolusi Iran iaitu Ayatollah Khomeini yang begitu anti kepada dunia Barat telah menyebabkan Amerika Syarikat cuba mempengaruhi Saddam Hussien,

---

<sup>3</sup> Revolusi Iran 1979, merupakan revolusi yang berlaku di negara Iran yang dipimpin oleh pemimpin Agung Iran, iaitu Ayatollah Khomeini. Revolusi Iran ini telah menyebabkan jatuhnya Dinasti Pahlavi dan mewujudkan satu ancaman terhadap Amerika Syarikat. Hal ini dilihat kerana semasa Dinasti Pahlavi, Barat menjalinkan hubungan yang erat dengan Shah Reza dan menguasai kepentingan ekonomi Iran. Namun, kelahiran Revolusi ini telah menyebabkan kuasa Barat semakin lemah di Iran. Kelahiran Revolusi Iran juga kerana Ayatollah Khomeini melihat cara pemerintahan Shah Iran yang lebih kepada kebaratan sehingga mengabaikan tuntutan Islam dan Revolusi Iran ini mendapat 98 peratus sokongan dari masyarakat Iran.

apabila melihat akan kelemahan kuasanya di Asia Barat sekiranya Revolusi Iran mula menguasai Asia Barat.

Ternyata apa yang dimainkan oleh Amerika Syarikat berjaya mempengaruhi Saddam Hussien, iaitu apabila Amerika cuba memprovokasi Iraq tentang kelahiran Revolusi Islam pastinya akan mengancam Saddam dan fahaman Sunni<sup>4</sup> yang diterajui oleh Saddam di Iraq, sehingga tercetusnya perang Iran dan Iraq pada 1980 hingga 1988. Perang yang berlaku selama lapan tahun tersebut melibatkan Saddam Hussien sebagai Presiden Iraq dan Ayatollah Khomeini sebagai pemimpin Agung Iran, manakala Amerika Syarikat memainkan peranannya untuk menghancurkan kedua negara tersebut. Asas penting yang terdapat dalam polisi pemerintahan Amerika Syarikat adalah untuk menguasai kawasan Iran yang kaya dengan sumber minyak.

Hal ini dapat dilihat sebelum Revolusi Iran, Amerika Syarikat menikmati hasil minyak dan hubungan politik yang utuh semasa pemerintahan Reza Shah. Namun kelahiran Revolusi Iran ini telah menyebabkan kepentingan yang dinikmatinya semasa pemerintahan Reza Shah telah terjejas dan ini begitu merisaukan Amerika.<sup>5</sup> Oleh kerana dipengaruhi oleh faktor tersebutlah, maka Amerika merasakan Revolusi Iran perlu

<sup>4</sup> Sunni merupakan nama terbesar Islam dan minoriti di dunia. Majoriti populasi pengikut aliran ini adalah di Iraq, Iran, Bahrain dan Lebanon.

<sup>5</sup> Kelahiran Revolusi Iran pada 1979 begitu merisaukan Amerika Syarikat, terutamanya apabila Amerika melihat Revolusi yang dipimpin oleh Ayatollah Khomeini tersebut mempunyai asas keislaman yang kuat, yang dapat dilihat dengan kelahiran Revolusi Iran itu sendiri apabila Ayatollah melihat Shah Iran begitu memuja kuasa Barat dan mengamalkan cara hidup Barat sehingga mengabaikan cara hidup Islam. Bagi Amerika, kebangkitan tersebut sebagai satu ancaman yang akan mengurangkan pengaruh dan kepentingan ekonomi serta politiknya yang selama ini begitu utuh semasa Dinasti Pahlavi. Kepimpinan Ayatollah Khomeini yang anti-Barat merupakan satu ancaman kepada Amerika Syarikat.

dijatuhkan, manakala Saddam Hussien adalah tokoh yang layak untuk menandingi Ayatollah Khomeini.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Dalam membuat kajian ini, permasalahan kajian yang ingin dikemukakan ialah untuk melihat bagaimana Amerika Syarikat menjalinkan hubungan dengan Saddam Hussien dan Iraq sekitar Perang Iran dan Iraq pada September 1980 hingga Ogos 1988. Dalam penulisan ini, penulis akan menyentuh faktor-faktor yang membawa kepada wujudnya perhubungan antara kedua belah pihak, sama ada hubungan tersebut berbentuk sementara atau kekal. Penulis juga akan menekankan bentuk bantuan yang diberikan oleh Amerika terhadap Iraq seperti bantuan peralatan perang mahupun ketenteraan, serta di sebalik bantuan tersebut, timbul persoalan mengapa Saddam Hussien berminat dengan bantuan yang dihulurkan oleh Barat, sedangkan nasionalisma<sup>6</sup> Arab begitu utuh dalam dirinya sebagai satu ideologi dan adakah keadaan ini dipengaruhi oleh sifat pragmatis Saddam Hussien itu sendiri.

Dalam hal ini juga, selain persoalan mengenai Saddam Hussien terhadap penerimaan bantuan Barat, penulis juga akan mengupas persoalan yang wujud iaitu mengapa Amerika begitu berminat menghulurkan bantuan kepada Iraq dalam perang tersebut. Sememangnya persoalan-persoalan ini telah menarik minat penulis untuk mewujudkan hasil karya tentang hubungan Amerika Syarikat dan Saddam Hussein dalam perang Iraq dan Iran ini.

---

<sup>6</sup> Nasionalisma adalah satu perasaan yang cintakan bangsa dan tanah air sendiri, dan begitu bencikan penjajahan Barat.

Setelah membincangkan bentuk hubungan antara Amerika Syarikat dan Saddam Hussien dalam perang Iran dan Iraq tersebut, penulis juga akan membincangkan implikasi yang wujud kepada Saddam Hussien dan Iraq setelah berakhirnya perang, sama ada implikasi tersebut merupakan satu kesan jangka panjang yang memberikan manfaat kepada Saddam atau hanyalah satu kesilapan Saddam dalam menjalankan hubungan dengan Barat selama perang berlangsung.

### **1.3 Objektif kajian**

Penulisan mengenai perang Iran dan Iraq telah banyak ditulis oleh sarjana-sarjana Barat mahupun tempatan, namun kajian tentang hubungan Saddam Hussien dan Amerika dalam perang Iran dan Iraq yang ingin diketengahkan dalam penyelidikan ini. Kajian ini dilakukan untuk menjelaskan lagi peranan Amerika Syarikat terhadap Saddam Hussien dalam perang tersebut yang dilihat mempunyai kepentingan kepada ekonomi dan politik mereka terhadap Teluk Parsi.

Amerika Syarikat juga dilihat mempunyai agendanya yang tersendiri didalam perang tersebut, dan apa yang paling penting, Saddam Hussien telah terpengaruh dengan propaganda Barat dengan melancarkan serangan terhadap Iran. Tindakan Saddam dilihat seolah-olah merealisasikan hasrat serta matlamat Amerika untuk melihat perpecahan kedua-dua negara Islam tersebut dan sekaligus untuk melihat kejatuhan Revolusi Islam.

Kajian ini juga melihat bagaimana Amerika Syarikat sebagai kuasa dunia setelah runtuhnya Empayar Uthmaniyyah dan tamatnya mandat British di Asia Barat

telah menjadikan Amerika sebagai satu kuasa tunggal yang dikagumi oleh Iran khususnya. Namun kebangkitan Revolusi Iran dan jatuhnya Dinasti Pahlavi telah menimbulkan satu perasaan yang kurang senang bagi Amerika sehingga Amerika merasakan Iraq adalah 'alat' yang terbaik untuk menentang revolusi tersebut. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, penulis akan menerangkan punca kepada wujudnya kerjasama antara Amerika Syarikat dan Iraq.

Untuk mencapai kajian ini, telah menggariskan beberapa objektif iaitu penulis akan menjelaskan latar belakang pemimpin Iran dan Iraq serta peranannya semasa perang tersebut meletus. Dalam hal ini, penulis akan menjelaskan keadaan atau punca yang telah mencetuskan perang. Selain itu, objektif penulis dalam penulisan ini untuk menjelaskan hubungan yang wujud antara Saddam Hussien dan Amerika Syarikat sekitar perang tersebut yang sememangnya menjadi topik utama dalam penulisan ini dan terakhirnya penulis akan menjelaskan kesan atau implikasi yang wujud selepas perang terhadap politik negara Iraq.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dibuat untuk melihat bagaimana Saddam Hussien memainkan peranan sebagai seorang Presiden Iraq semasa meletusnya perang. Peranan yang dimainkan Saddam adalah dengan menjalinkan kerjasama dan hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat yang dianggap sebagai satu propaganda Barat yang bermuslihat untuk memecahkan dua negara Islam tersebut. Walaupun penulisan tentang perang Iran dan Iraq telah banyak ditulis sarjana Barat mahupun tempatan, namun penulisan ini dibuat untuk menambahkan koleksi penulisan dalam bahasa Melayu. Situasi ini dilihat kerana



karya-karya sebelum ini lebih kepada penulisan dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, penulis berusaha untuk menjadikan penulisan latihan ilmiah ini dalam bentuk bahasa Melayu agar ia mudah difahami untuk tatapan generasi selepas ini, dan untuk menambahkan koleksi tentang tajuk latihan ilmiah ini dalam bentuk bahasa Melayu.

### **1.5 Skop Kajian**

Kajian ini tertumpu terhadap Perang Iran dan Iraq iaitu sekitar tahun 1980 hingga 1988 di Teluk Parsi. Isu perebutan wilayah antara Iraq dan Iran, terutamanya mengenai Shaaat al-Arab yang selama ini telah menjadi pertikaian antara kedua negara tersebut. Namun, dalam kajian ini juga, akan memperlihatkan bagaimana penglibatan Amerika Syarikat, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perang tersebut terutamanya wujud hubungan dengan Saddam Hussien, di mana semasa perang tersebut, Amerika telah menyediakan bantuan kepada Iraq seperti pembekalan senjata dan tentera terhadap Iraq. Selain dipengaruhi oleh faktor tersebut, kebangkitan Revolusi Iran pada 1979 juga dilihat merupakan punca utama yang menjadikan perang Iran dan Iraq sebagai satu tindakan yang tidak dapat dielakkan.

### **1.6 Lokasi Kajian**

Lokasi kajian adalah di sempadan kedua-dua buah negara Iran dan Iraq. Iran dan Iraq merupakan sebuah negara di Asia Barat yang mempunyai kepentingan ekonomi terutamanya minyak. Kedua-dua negara ini merupakan negara yang begitu penting yang menyumbang kepentingan ekonomi kepada Amerika Syarikat.

**Peta 1.6.1: Lokasi Perang Iran dan Iraq.**



sumber: <http://users.erols.com/mwhite28/iraniraq.htm>

### 1.7 Kaedah Kajian

Dalam menjalankan suatu penyelidikan, maklumat dan bahan-bahan rujukan merupakan perkara asas yang perlu di titikberatkan oleh seseorang penyelidik. Untuk mencapai hasil yang terbaik terhadap penulisan ini, penulis telah menggunakan beberapa kaedah sejarah sebagai teras utama metodologi kajian. Penulis telah menggunakan penyelidikan perpustakaan, iaitu di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Universiti Malaya. Selain itu juga, Perpustakaan Negeri Sabah juga dijadikan tinjauan penulis untuk mendapatkan sumber. Sumber yang digunakan penulis dalam penyelidikan ini adalah lebih kepada sumber sekunder, iaitu dengan melakukan pembacaan dan rujukan

buku, jurnal, kertas kerja, tesis (sarjana dan doktor falsafah) serta majalah-majalah yang berkaitan.

### **1.8 Sorotan Literatur**

Pengkaji sejarah Iran dan Iraq iaitu William L. Cleveland, dalam bukunya *A History Of The Modern Middle East*, mengatakan pada Jun 1980, kedua-dua negara ini mengharungi hubungan diplomatik yang keruh dan juga pertempuran di sempadan semakin meningkat. Pada 18 September, Iraq mengumumkan bahawa jalan air Arvand/Shatt al-Arab adalah sebahagian daripada wilayahnya dan kemudiannya, Iraq melancarkan serangan penuh ke atas Iran pada 22 September 1980. Serangan mengejut ini telah berjaya mara dengan pantasnya ke wilayah Khuzestan dan telah menumpaskan tentera Iran yang masih lagi berada dalam situasi kacau-bilau akibat Revolusi Iran yang dikatakan sebagai "*a cataclysmic event*" yang bermaksud malapetaka yang telah menukar politik, sosial dan struktur perundangan negara, kerana tuntutan-tuntutan Iraq yang tidak dapat dipenuhi tersebut telah menyebabkan wujudnya perang Iran dan Iraq.

Menurut Louis A. Aroin, dan Richard P. Mitchell yang diterjemahkan oleh Mohammad Redzuan Othman dalam bukunya iaitu *Timur Tengah dan Afrika Utara Modern*, penulis mengatakan penglibatan Amerika Syarikat dapat dilihat apabila Amerika Syarikat lebih tertumpu kepada arah polisi yang dijalankan oleh Saddam Hussein di negara Israel di samping ketulusan pemerintahan, persenjataan dan pihak yang menyokong pihak Saddam. Hal ini kerana pihak Amerika Syarikat sedar akan kepakaran regim Saddam dalam mengawal persenjataan kimia dan mencadangkan senjata kimia ini

akan digunakan dalam kuantiti yang banyak pada masa depan terutamanya dalam aktiviti penggempuran. Oleh sebab kekuatan senjata kimia ini, rakyat yang tinggal di bawah pemerintahan regim Saddam yang bertindak secara agresif dan bahaya telah menakutkan semua rakyat sama ada yang tinggal di dalam Iraq ataupun di luar Iraq.

Campur tangan Amerika Syarikat juga dapat dilihat apabila Amerika Syarikat dengan bangganya memperuntukkan jumlah tentera dan bekalan senjata serta peruntukkan kewangan terhadap Iraq untuk menentang Iran. Hal ini dapat dilihat dalam penulisan Efraim Karsh. yang bertajuk *The Iran Iraq War: Impact and Implications*.

Menurut Geoff Simons, dalam bukunya *Future Iraq: Us Policy in Reshaping The Middle East* telah mengatakan Amerika telah memberikan sokongan dan bantuan kepada Iraq. Sokongan tersebut adalah berbentuk ideologi dan moral, bantuan ekonomi, hubungan dengan kerajaan (yang telah terputus pada tahun 1967 di dalam perang enam hari), dan bantuan kelengkapan senjata. Presiden Ronald Reagan juga telah menjelaskan bahawa pihak Amerika "*could not afford to allow Iraq to lose the war to Iran*", dan Amerika "*would do whatever was necessary to prevent Iraq from losing the war with Iran*". Presiden Reagan menyatakan dengan rasmi polisi ini tentang *National Security Decision Directive* (NSDD) dan kesannya adalah apa yang telah berlaku pada Jun 1982.

Selain itu, usaha Washington untuk terus mengambil hati Iraq juga dapat dilihat dalam peringkat antarabangsa di mana melalui wakilnya ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Jeane Kirkpatrick. Telah bertindak membatalkan draf resolusi yang dikemukakan

oleh Iran mengenai pengharaman penggunaan senjata kimia dengan mendapat sokongan daripada sekutu-sekutunya. Sikap berat sebelah Amerika Syarikat ini sewaktu Perang Iraq dan Iran telah meninggalkan persepsi tersendiri terhadap Iran oleh agenda Amerika Syarikat semasa perang Iraq pada 2003. Pengalaman yang dilalui oleh Iran telah mewujudkan keraguan bukan hanya kepada pemerintah Iraq malah sifat dalam dua muka dalam pengamalan politik sebenar yang diamalkan oleh Amerika Syarikat, di mana ia dapat dilihat melalui penulisan Geoff Simons dalam penulisannya *Future Iraq: Us Policy in Reshaping The Middle East.*

Kajian mengenai perang Iran dan Iraq juga dapat dilihat dalam kajian oleh Mohsen M. Milani, yang bertajuk *The Making of Iran's Islamic Revolution, From Monarchy to Islamic Republic* di mana penulis mengatakan Amerika Syarikat membantu Saddam Hussien iaitu secara langsung dan tidak langsung. Secara langsungnya memperlihatkan Washington telah menggalakkan dan meningkatkan tekanan terhadap Arab Saudi dan Kuwait supaya memberi bantuan kewangan kepada Iraq. Kedua-dua negara Arab ini menyumbang kepada peralatan kelengkapan perang berjumlah US \$60 billion dan melalui pentadbiran Amerika, Arab Saudi telah membeli Kapal Terbang AWACS untuk dibekalkan kepada Iraq dan juga dengan membekalkan kepakaran maklumat dan kepakaran mengenai ketenteraan Iran. Selain itu, Arab Saudi juga memindahkan dengan kelulusan dari Amerika Syarikat iaitu 100 tan Bom MK-84 kepada Iraq. Sementara itu Mesir, yang juga merupakan sebuah lagi negara sekutu Washington telah menjual bekalan ketenteraan dengan jumlah yang besar kepada Saddam Hussien.

## BIBLIOGRAFI

### a) Buku

David, Long E. 1978, *The Persian Gulf, An Introduction to its Peoples, Politics and Economic*, United States of America: Westview Press Inc Colorado.

Efraim Karsh, 1987, *The Iran Iraq War; Impact and Implications*, London: The Macmillan Press LTD.

Fadhillah Jamil, 2000, *Islam di Asia Barat Modern, Sejarah Penjajahan dan Pergolakan*, Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd.

Hassan Abdul, 1995, *Saddam Hussien Pembelot Islam*, Sentul: Sinbad Enterprise.

Hiro, Dilip. 2001. *Neighbour, Not Friends. Iraq and Iran after the Gulf Wars*, London.

Jamilan Mohd Hassan, 2002, *Negara Serata Dunia, Iran*. Kuala Lumpur: Times Book International.

Lois A. Aroin & Richard P. Mithcel, 1991, *Timur Tengah dan Afrika Utara Modern*, (Terjemahan Mohammad Redzuan Othman). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mussalam Ali Musallam, 1996, *The Iraqi Invasion Kuwait: Saddam Hussien, Its States and Internasional Politics*, New York: Brtish Academy Press

Mylroie, Laurie 1993, *Why Saddam Hussien Invite Kuwait*, Orbis, A Journal of World Affair, Volume 37, No.1.

Simons, Geoff. 2006, *Future Iraq: Us Policy in Reshaping The Middle East*. Viva Books Private Limited, London: UK.

### b) Tesis

Willemse, Marijn, 2006, *The Most Powerful Partner in Crime, How the United States took sides in the Iran-Iraq War 1980-1988*, Rotterdam.

**c) Jurnal**

Jon B. Alterman, 2000, *The Gulf States and The American Umbrella*, Volume 4, No4.  
 Kostiner, Joseph, 1998, *The United States and The Gulf States: Alliance in Need*,  
 Volume2, No 4

**d) Laman Web:**

Peta Iraq <[http://news.bbc.co.uk/1/shared/spl/hi/middle\\_east/03/v3\\_iraq\\_key\\_maps/html/bagad.stm](http://news.bbc.co.uk/1/shared/spl/hi/middle_east/03/v3_iraq_key_maps/html/bagad.stm)> Dirujuk pada 20 Januari 2009.

Minyak Iraq <[http://www.iranchamber.com/history/articles/united\\_states\\_iran\\_iraq\\_war1.php](http://www.iranchamber.com/history/articles/united_states_iran_iraq_war1.php)> Dirujuk pada 20 Januari 2009.

Liga Bangsa-bangsa <<http://encyclopedia2.thefreedictionary.com/LigaBangsabangsa>>  
 Dirujuk pada 20 Januari 2009.

Persetujuan Taif <<http://www2.un.int/Countries/Lebanon/12109663826373.pdf>> Dirujuk pada 20 Januari 2009.

George W. Bush <[http://en.wikipedia.org/wiki/George\\_H.\\_W.\\_Bush](http://en.wikipedia.org/wiki/George_H._W._Bush)> Dirujuk pada 20 Januari 2009.

Abadan di Iran <<http://encyclopedia2.thefreedictionary.com/Abadan>> Dirujuk pada 20 Januari 2009.